

Sejarah Tragedi Sungai Semur dalam Dikir dari Rimba

Konsep sejarah, menurut Sidi Gazalba dalam *Pengantar Sejarah Sebagai Ilmu*, ialah peristiwa masa lalu tentang manusia melalui catatan tarikh, nama tempat, nama orang dan fakta peristiwa. Oleh itu, konsep sejarah menggambarkan masa lalu tentang manusia berdasarkan urutan fakta yang memberikan pengertian tentang peristiwa yang berlaku.

Teater *Dikir dari Rimba* menceritakan sejarah serang hendap platon ke-3, rejimen ke-10 sayap Melayu Parti Komunis Malaya (PKM) terhadap batalion Rejimen Askar Melayu Diraja (2 RAMD) di Sungai Semur, Ulu Galas, Gua Musang, Kelantan, pada 25 Mac 1950, pukul 10.30 pagi. Teater itu dipentaskan di Auditorium Dewan Budaya, Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang. Skrip teater ditulis oleh Seni Bayan. Pementasan teater ini dianjurkan oleh Unit Pembangunan Teater Dewan Budaya USM bersempena dengan Program Siswa Cinta Teater, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, universiti itu.

Sejarah tragedi berdarah Sungai Semur dirakamkan oleh Zakaria Salleh dalam novel *Limpahan Darah di Sungai Semur*, yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1988 dan digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran Komsas dalam mata pelajaran Bahasa Melayu tingkatan satu fasa pertama (2000-2009). Proses adaptasi teater *Dikir dari Rimba* daripada novel *Limpahan Darah di Sungai Semur* membuktikan penghayatan Zakaria dan Seni Bayan terhadap sejarah tragedi berdarah itu.

Komunisme merupakan ideologi politik yang diasaskan oleh Karl Marx pada pertengahan abad



Roslan menghentak kepala Marwan.

ke-19 dan dicatatkan dalam *The Communist Manifesto*, *Das Capital* dan *The German Ideology*. Ideologi politik ini berasal daripada *Manifest der Kommunistischen*, karya Marx dan Friedrich Engels, sebagai manifesto politik dengan terbitan pertama pada 21 Februari 1848. Menurut Ong Loo Chen dalam *Sejarah Malaysia dan Asia Tenggara: Penggal 3*, komunisme menentang golongan feodal dan golongan imperialis, memperjuangkan masyarakat tanpa kelas, serta memiliknegarakan tanah dan perindustrian. Menurut Ruslan Zainuddin dalam *Sejarah*

38

Dewan Budaya | BIL. 9 2017



Jiman membantu Roslan.



Tetamu kehormat, pelakon, pengarah dan kru produksi.



Jiman bahagia bersama-sama isteri.

Malaysia, komunisme tersebar ke seluruh Rusia pada tahun 1917 selepas kejayaan revolusi Rusia menggulingkan kerajaan Tsar Nicholas II.

Pada tahun 1919, Pertubuhan Komunis Antarabangsa ditubuhkan di Moscow untuk menyebarkan ideologi komunisme di seluruh dunia. Pada awal tahun 1920-an, ideologi komunisme mendapat tempat di Asia Tenggara seiring dengan peranan Parti Komunis China yang menubuhkan Parti Komunis Nanyang di kawasan

Hindia Timur, Indo-China, Singapura, dan Tanah Melayu sekitar tahun 1928 hingga 1930. Dari tahun 1924 hingga 1937, wujud pakatan antara Parti Komunis China dengan Koumintang yang memberikan kesan kepada gerakan komunis pada peringkat antarabangsa dan menyebarkan pengaruh komunis di Asia Tenggara.

Istilah darurat digunakan oleh British kerana kekacauan yang meletus di Tanah Melayu sebagai akibat kebangkitan perjuangan

PKM sekitar tahun 1948 hingga 1960 untuk menubuhkan negara komunis. Ideologi komunis disebarkan di Tanah Melayu pada tahun 1930-an dan berkembang ketika era pendudukan Jepun dari tahun 1941 hingga 1945 kerana dasar anti-Jepun dalam Malayan People Anti Japanese Army (MPAJA) yang dinaungi oleh PKM. Selepas tahun 1945, British enggan menerima PKM.

Keganasan komunis di Gua Musang bermula pada 4 Januari 1943 apabila banyak orang Melayu dibunuh oleh pegawai PKM. Keganasan PKM di Kampung Pulau, Gua Musang, turut melibatkan aktiviti merampas makanan penduduk kampung. Serangan di Gua Musang dalam teater *Dikir dari Rimba* memaparkan kekejaman komunis yang membunuh keluarga Jiman, isteri, dan anak mereka, serta merampas makanan penduduk orang asli. Pegganasan komunis turut memukul Jiman dan penduduk orang asli Kampung Baru, seperti yang dinyatakan oleh Jiman:

Kampung aku, Kampung Baru. Ada lima buah rumah di situ. Sudah tiga bulan komunis masuk ambil semua barang, beras, ubi, ayam. Petang semalam kami sudah tidak ada barang nak bagi pada komunis itu. Komunis marah. Kami dipukul.

Dalam tragedi serang hendap itu, ketua platon, Leftenan Hassan Mohd. Yassin, terkorban, menyebabkan Koperal Jamaludin Mohamad menerajui kepemimpinan platon dan mengarahkan tembakan mortar dua inci ke arah musuh biarpun tembakan tersebut

39

Dewan Budaya | BIL. 9 2017

Art & Literative - Performance Art

Pg : 38 - 41

Chr. no : 0000 275291
ART 2017/A10.



Roslan ditawan oleh Marwan.

tersasar kerana halangan rumpun buhuh. Platun yang terkepung dalam pertempuran selama empat jam kehabisan peluru. Akhirnya penganas komunis berjaya menawan platun no. 12 dan memberikan amaran agar menghentikan perjuangan menentang PKM.

Babak pertama memaparkan aksi Kapten Roslan berlari dalam hutan dan tidak sedarkan diri selama beberapa hari. Setelah Roslan pulih dan bertemu

dengan Jiman, orang Asli yang merawatnya, dia diberitahu tentang kekejaman komunis membunuh isteri, anak, dan ahli keluarganya. Jiman menyanyikan lagu *Badak Berenjak* yang kerap dinyanyikan oleh mendiang isterinya, Rinas, kepada Roslan. Keindahan irama dikir lagu *Badak Berenjak* memikat hati Roslan sehingga meminta Jiman menyanyikan lagu itu kepadanya.

Selama dua hari tinggal di hutan, Roslan dan Jiman ditemui

KAMPUNG AKU, KAMPUNG BARUH, ADA LIMA BUAH RUMAH DI SITU. SUDAH TIGA BULAN KOMUNIS MASUK AMBIL SEMUA BARANG. BERAS, UBI, AYAM. PETANG SEMALAM KAMI SUDAH TIDAK ADA BARANG NAK BAGI PADA KOMUNIS TU. KOMUNIS MARAH. KAMI DIPUKUL.


oleh Komander Marwan, anggota PKM berbangsa Melayu. Jiman memaki hamun Marwan kerana berendam atas kematian ahli keluarganya. Marwan menembak tepat dada kiri Jiman dan memukul Roslan yang menghina fahaman komunis. Roslan menghentak kepala Marwan dengan menggunakan pistol sehingga penganas itu pingsan. Setelah Marwan sedar, Roslan menghujahkan keburukan fahaman komunis, menyebabkan Marwan marah kerana gagal mematahkan setiap hujah Roslan tentang komunisme.



Penampilan tentera darat menghagatkan pementasan.



Roslan berjuang mati-matian menentang penganas komunis.



Pertarungan antara tentera dengan penganas komunis

Marwan mencurahkan air ke atas badan Roslan.

Pertanyaan Roslan tentang ahli keluarga Marwan menginsafi penganas itu. Akhirnya Marwan meminta maaf kepada Roslan. Roslan mengajak Marwan menyanyikan lagu *Badak Berenjak*. Marwan ditembak mati oleh pasukan Roslan dari jauh. Roslan meletakkan Marwan di atas ribanya. Dalam keadaan nazak, Marwan meminta Roslan menyanyikan lagu *Badak Berenjak* sebelum Marwan mengucap dua kalimah syahadah dan meninggal dunia.

Tema teater ini memaparkan perjuangan anggota platun no. 12 yang dianggotai oleh 25 orang, seperti yang diceritakan oleh Roslan:

"Kami dari Platun No. 12, seramai 25 anggota dari Kompeni D, 3 Rejimen Askar Melayu Diraja diserang hendap oleh sekumpulan penganas komunis seramai 50 anggota ketika menyusuri Sungai Semur."

Sejarah dikir *Badak Berenjak* nyanyian Rinas melambangkan kebudayaan orang asli Sungai Semur. Rinas menyanyikan lagu itu ketika mandi di sungai dan menidurkan anak kembar mereka, iaitu Lasau dan Lahau, yang berusia tiga bulan. Keindahan bahasa lagu

itu melambangkan kasih sayang Jiman buat Rinas dan anak mereka, serta ahli keluarganya yang dibunuh oleh penganas komunis. Keindahan dikir *Badak Berenjak* menceritakan sejarah kehidupan manusia dalam kesesatan yang mampu berubah untuk kembali ke pangkal jalan:

Hidup dengan unggas dan semur,
Nyamuk yang baik juga disanjung.

Kekuatan prop dalam *Dikir Dari Rimba*, berlatarkan keindahan hutan belantara Sungai Semur, menghidupkan cerita dalam teater ini. Kekuatan teknik pencahayaan mengukuhkan propnya selari dengan latar tempat, zaman, watak dan cerita.

Kehebatan lakonan Farith Agag sebagai protagonis ketika melakonkan watak Roslan menghidupkan teater *Dikir Dari Rimba*. Kehebatan lakonan Shahmiev Odd sebagai antagonis pula terserlah ketika melakonkan watak Marwan. Lakonan Nawi Mohd. sebagai Jiman dan Wawa Subri sebagai Rinas turut menghidupkan cerita, selain menyanyikan *Badak Berenjak* yang sememangnya memikat hati penonton.

Seni Bayan membuktikan bahawa teater mampu untuk

mendidik penonton agar memahami lipatan sejarah Malaysia. Sejarah tragedi Sungai Semur diharapkan dapat menyedarkan penonton agar belajar daripada sejarah dan hidup dalam keadaan aman, yang sememangnya lebih baik daripada komunisme yang merosakkan agama, bangsa dan negara. Kehebatan Seni Bayan menghidupkan sejarah tragedi berdarah Sungai Semur mengangkat keungulan perwira bangsa yang membanteras keganasan komunis yang akhirnya terkubur dalam perjanjian damai Haadyai pada 2 Disember 1989.

Tegasnya, hujah Roslan tentang kehancuran PKM mengakhiri sejarah organisasi itu:

Kenapa kita perlu bersikap kejam, berjuang berbunuhan kerana impian sebuah angan-angan republik komunis sedangkan kita sudah berpeluang menuntut kemerdekaan dengan cara kita sendiri, bukan dengan faham komunis dan pertumpahan darah, bukan dengan faham komunis dan Marx? Bendera Union Jack sudah diturunkan. Melayu dah merdeka. Tanah Melayu sudah merdeka. Tidak ada lagi British, tidak ada lagi Jepun. Kita sudah merdeka, komander. 08